

# Privasi Rumah Kediaman dalam Perundangan Islam sebagai Langkah Pencegahan kepada Keganasan Domestik

*Privacy of Dwelling Houses in Islamic Law as  
A Preventive Measure to Domestic Violence*

**Zahari Mahad Musa**

*Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia*

*Corresponding author: zahari@usim.edu.my*

## ***Abstrak***

Kemelut keganasan domestik yang merujuk kepada kekerasan dan tingkah laku buas dalam rumah tangga dan ia memberi impak yang besar kepada sesebuah institusi keluarga. Kawalan terhadap personaliti dan persekitaran yang berkualiti merupakan asas dalam menangani kemelut ini daripada terus berlaku. Rumah kediaman adalah sebahagian persekitaran dan mempunyai hubungan yang rapat dengan institusi keluarga. Pembinaan dan kesejahteraan keluarga bermula dengan rumah kediaman yang baik dan berkualiti. Ini kerana, rumah kediaman bukan setakat ruang fizikal semata-mata, malah ia menjadi tempat bermulanya hubungan penghuninya sebagai komuniti kecil yang sejahtera dan harmoni. Islam menetapkan tiga syarat utama bagi sesebuah rumah kediaman yang berkualiti iaitu; kesihatan, keselamatan dan privasi. Kajian ini membincangkan aspek privasi berkaitan rumah kediaman dalam perundangan Islam sebagai salah satu langkah pencegahan dalam menangani masalah keganasan domestik. Analisis diasaskan kepada analisis nas-nas syarak dan huraian ulama mengenai privasi rumah kediaman. Dapatkan kajian ini menujukkan Islam menetapkan panduan dan peraturan bersepadan yang menyentuh rumah kediaman bagi memastikan kesejahteraan sesebuah keluarga. Perlindungan privasi rumah kediaman yang ditetapkan oleh syarak menjamin kehidupan sejahtera antara penghuni dan secara tidak langsung menjadi langkah pencegahan menangani keganasan domestik.

***Kata kunci*** Privasi Rumah Kediaman, Perundangan Islam, Keganasan Domestik

## ***Abstract***

*Domestic violence refers to violence and predatory behaviour in a household, and it has a significant impact to the institution of the family. Personality control and quality environment is a basis for addressing this crisis from recurring. The dwelling house is part of the environment and has a close relationship with the family. Family development and its well-being start with a good and quality dwelling house. This*

*is because the dwelling house is not just merely a physical space, but it is a place where its occupants start to build a well-being and harmonious relationship as a small community. Islam prescribes three main requirements for a quality dwelling house namely healthy, safety and privacy. This study discusses privacy as related to the dwelling house in Islamic law as one of the preventive measures in dealing with the problem of domestic violence. The analysis is based on Islamic jurisprudence sources and Islamic scholars' deliberations on the concept of privacy. The findings showed that Islam prescribed integrated rules and regulations with regard to dwelling houses in order to ensure the well-being of the family. The privacy protection set by Islamic laws guarantee prosperous life among residents and indirectly acts as preventive measures in addressing domestic violence.*

**Keywords** Privacy of dwelling houses, Islamic law, domestic violence

## Pendahuluan

Keganasan domestik yang merujuk kepada perlakuan salah seperti penderaan, pengabaian mahupun kekerasan dalam institusi keluarga berlaku dalam semua fasa kitaran kehidupan manusia. Keganasan dalam keluarga ini berlaku di kebanyakan negara termasuklah Malaysia. Apa yang membimbangkan, mangsa keganasan terancam daripada orang yang dikenali yang sepatutnya menjadi pelindung atau pihak sokongan dalam institusi keluarga. Perlakuan keganasan boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja, tanpa dapat dijangkakan oleh mangsa atau sesiapa sahaja. Ini kerana, pada kebiasaannya ia berlaku di tempat tertutup yang orang lain tidak mempunyai akses ke tempat tersebut (Jal Zabdi, 2010). Dalam hal ini, rumah kediaman merupakan persekitaran keluarga yang terancam dengan sebarang tindakan keganasan.

Rumah kediaman merupakan institusi asas yang penting kepada kehidupan manusia dan pembentukan keluarga yang sejahtera. Setiap manusia memerlukan rumah kediaman yang memenuhi tiga syarat utama iaitu: selamat, sihat dan privasi (Anas, 1994). Matlamat utama rumah kediaman yang berkualiti ialah menyediakan ruang rehat dan tenang daripada sebarang gangguan. Ciri ini menjadi matlamat utama kerana setiap manusia akan menghabiskan dua pertiga daripada kehidupan seharian di rumah kediaman masing-masing. Firman Allah s.w.t dalam Surah ah-Nahl ayat 80-81 bermaksud,

“Dan Allah menjadikan bagi kamu rumah-rumah (yang kamu dirikan itu) tempat tinggal; dan ia menjadikan bagi kamu daripada kulit binatang-binatang ternak: khemah-khemah (tempat berteduh), yang kamu mendapatinya ringan (di bawa ke mana-mana) semasa kamu merantau dan semasa kamu berhenti; dan (ia juga menjadikan bagi kamu) daripada berjenis-jenis bulu binatang-binatang ternak itu, berbagai barang perkakas rumah dan perhiasan, (untuk kamu menggunakan) hingga ke suatu masa. Dan Allah menjadikan bagi kamu sebahagian daripada yang diciptakanNya: benda-benda untuk berteduh, dan ia menjadikan bagi kamu sebahagian dari gunung-ganang tempat-tempat berlindung; dan ia juga menjadikan bagi kamu pakaian-pakaian yang memelihara kamu daripada panas dan sejuk, juga pakaian-pakaian yang memelihara kamu semasa berjuang. Demikianlah, ia menyempurnakan nikmatNya kepada kamu, supaya kamu berserah diri kepadaNya dan mematuhi perintahNya”.

Isu privasi berkaitan rumah kediaman adalah penting untuk difahami oleh setiap individu, keluarga maupun masyarakat dan merupakan sebahagian agenda kemanusiaan dalam kehidupan sehari-hari (Mohamad, 2007).

Artikel ini bertujuan menghuraikan aspek-aspek privasi yang berkaitan rumah kediaman dalam perundangan Islam (Syariah) sebagai salah satu langkah dalam menangani permasalahan keganasan domestik. Isu keganasan domestik merupakan sebahagian ancaman persekitaran terutama kepada persekitaran rumah kediaman yang perlu ditangani secara holistik. Secara tidak langsung huraian dalam artikel ini bertujuan untuk menunjukkan hukum privasi adalah penting bagi sesebuah rumah kediaman dalam Islam.

Islam memperakui privasi sebagai salah satu hak dalam kehidupan manusia seperti yang dinyatakan dalam beberapa kajian awal oleh ilmuan Syariah. Muhammad (1985) dan Husni (1993) menggunakan terminologi *al-hayat al-khassah* dan *al-khususiyah* bagi menunjukkan privasi iaitu situasi bersendiri tanpa sebarang gangguan. Manakala Ahmad (2004) menggunakan frasa menutup *awrah* (*satr al-awrah*) dalam menerangkan ciri binaan rumah kediaman yang mengikut piawaian syarak bagi memenuhi tuntutan privasi. Kesemua penyelidik mengenalpasti keperluan dan kepentingan privasi dalam sesebuah rumah kediaman sama ada dari sudut teori atau secara praktikalnya. Hukum-hakam seperti meminta izin, menjaga rahsia dan mempertahankan hak dihuraikan berdasarkan nas syarak tanpa dikaitkan dengan isu keganasan domestik. Justeru itu, melalui artikel ini penulis berpendapat hukum-hukum tertentu yang telah digariskan berkaitan dengan privasi dalam perundangan Islam berperanan sebagai salah satu langkah pencegahan dalam mendepani isu keganasan domestik.

Keganasan domestik dikaitkan dengan perbuatan penderaan, kekerasan atau pengabaian yang melibatkan ahli keluarga. Menurut Kamus Dewan, keganasan bermaksud perihal ganas, kebuasan dan kegarangan manakala istilah domestik menunjukkan sifat dalaman iaitu berkenaan urusan dalam negeri atau kegiatan rumah tangga (DBP, 2002). Tiada definisi yang tetap berkaitan keganasan domestik kerana ia berubah mengikut jenis masalah. Keganasan yang merujuk kepada jenayah dalam keluarga ini diertikan sebagai satu jenayah dalam bentuk penggunaan paksaan, sama ada secara fizikal dan psikologi, bagi memenuhi matlamat diri, yang menyebabkan penganiayaan terhadap individu lain yang merupakan sebahagian daripada ahli keluarga itu sendiri (Rukiah et. al. 2008).

Sesuatu keganasan domestik pada asalnya sukar untuk dikenal pasti kerana bukan berlaku secara terbuka. Selain itu, pelaku keganasan biasanya melibatkan ahli keluarga yang terdekat dan lebih dikenali mempunyai peranan mendidik mereka yang di bawah penjagaannya. Sebagai contoh, Ibu bapa atau penjaga kanak-kanak mempunyai tugas untuk mendisiplinkan anak mereka mengikut kebenaran adat dan kelaziman dalam sesebuah masyarakat (Jal Zabdi, 2010).

## Kaedah

Kajian dalam artikel ini adalah berbentuk kepustakaan yang menggunakan kaedah analisis data sebagai pendekatan yang utama. Fokus perbincangan adalah melihat nas-nas syarak iaitu al-Qur'an dan hadis Rasulullah s.a.w berkaitan hukum privasi rumah

kediaman dalam mendepani isu keganasan domestik. Huraian juga akan tertumpu pada ijtihad ilmuan syariah berkaitan isu privasi ini.

## Dapatan dan Analisis

### Pendirian Islam dalam Mendepani Keganasan Domestik

Islam membenarkan individu tertentu dalam sesebuah keluarga untuk melakukan beberapa tindakan keras dengan niat untuk mendidik. Kebenaran melakukan tindakan ini dikenali dengan bidang kuasa mendidik khas (*wilayah al-ta'dib al-khass*) yang dibenarkan oleh syarak untuk mendisiplin dan menghukum mereka yang berada di bawah jagaan dan tanggungannya (Ibrahim, 2007).

Seorang suami adalah ketua keluarga yang mempunyai hak mendidik ahli keluarganya. Dalam hal ini, kebenaran diberikan kepada setiap suami memukul isterinya yang ingkar (*nusyuz*) untuk tujuan mendidik dan kembali taat. Firman Allah s.w.t:

“Maksudnya: Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (*nusyuz*) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha tinggi, lagi Maha besar.”

(Surah an-Nisa, 34).

Saranan al-Qur'an dalam ayat ini melibatkan tiga peringkat mendisiplinkan isteri yang tidak taat iaitu melalui pendekatan nasihat, pengasingan tempat tidur dan pukulan yang tidak memudaratkan. Dari sudut yang lain, Rasulullah s.a.w turut memberitahu bahawa memukul anak merupakan sebahagian pendekatan dalam pendidikan kanak-kanak. Rasulullah s.a.w bersabda:

مُرُوا أَوْ لَا ذَكْمٌ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ وَاصْرُبُوهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرٍ وَفَرِّقُوا  
بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ

Maksudnya: Suruhlah anak-anak kamu mendirikan solat ketika mereka berumur tujuh tahun, dan pukullah mereka apabila mengabaikannya ketika berumur sepuluh tahun. Bezakanlah antara mereka (mengikut jantina) di tempat tidur.

(Abu Dawud, t.t; no.495).

Kebenaran yang diberikan dalam memukul atau sebarang bentuk kekerasan hanya sebagai salah satu hukuman alternatif dalam melatih mereka yang di bawah tanggungannya dengan mengikut panduan syarak. Elemen kekerasan digunakan apabila bentuk hukuman awal yang lebih ringan tidak dapat lagi berfungsi atau memberi kesedaran untuk kembali akur dengan perintah.

Keganasan mula mendapat perhatian apabila tindakan yang dilakukan menjangkaui had yang dibenarkan dalam urusan mendidik atau mendisiplinkan ahli keluarga. Situasi ini merujuk kepada penyalahgunaan kuasa atas hak yang dibenarkan dalam prinsip *al-*

*ta'assuf bi istiqmal al-haqq*. Prinsip ini ditegah kerana digunakan dalam situasi tertentu atau motif tertentu yang bertentangan dengan kehendak syarak iaitu merealisasikan kemaslahatan dan menolak sebarang kemudaratian (Mustafa, 1983).

## Privasi Berkaitan Rumah Kediaman dalam Perundangan Islam

Islam menetapkan peraturan yang mapan tentang rumah kediaman. Peraturan-peraturan tersebut menghubungkan tiga penjuru kehidupan utama iaitu hubungan manusia dengan Allah, manusia dengan manusia dan manusia dengan alam persekitaran. Pertautan ini sebenarnya berkait rapat dengan ajaran Islam itu sendiri iaitu sebagai cara hidup yang mengandungi unsur akidah, amalan dan akhlak (3A). Tauhid adalah tunjang kepada kehidupan manusia sama ada di luar atau di dalam rumah kediaman yang membina hubungan manusia dengan pencipta. Manakala amalan dan akhlak merupakan peraturan yang menentukan pengisian dan fungsi sesebuah rumah kediaman yang diberkati di dunia dan akhirat (Spahic, 2010).

Istilah privasi tidak digunakan dalam karya-karya awal sarjana perundangan Islam tetapi seiring dengan maksud kehidupan peribadi atau khusus iaitu istilah *al-hayat al-khassah*. Penggunaan istilah *al-khususiyah* dalam bahasa Arab mula digunakan bagi menunjukkan sesuatu yang khusus, peribadi dan berlawanan dengan sesuatu yang bersifat umum. Husni al-Jundiyy mendefinisikan *al-khususiyah* sebagai perlindungan kehidupan peribadi dan keluarga seseorang daripada terdedah atau gangguan pihak luar tanpa sebarang keredaannya (Husni, 1993). Definisi ini memenuhi maksud privasi yang mempunyai dua unsur penting iaitu unsur bersendiri dan unsur tidak wujud gangguan seperti yang pernah dinyatakan oleh Nurizan (1998). Privasi boleh diertikan sebagai keupayaan mengawal aktiviti persendirian tanpa gangguan daripada elemen atau individu luar. Unsur bersendiri menunjukkan seseorang itu dapat menjalankan aktiviti yang bersifat peribadi secara rahsia dan sulit. Manakala tiada gangguan pula menunjukkan kelebihan suasana tersebut yang terhindar daripada sebarang bentuk halangan ketenteraman sama ada faktor luaran atau persekitaran.

Terdapat persamaan antara privasi dengan konsep *'awrah* dalam Islam. *'Awrah* merujuk kepada sesuatu yang mengaibkan iaitu haram untuk ditonjolkan dan pada masa yang sama haram untuk dilihat. Kebiasaanya konsep ini ditujukan kepada fizikal tubuh badan manusia sama ada lelaki atau perempuan yang melibatkan etika berpakaian. Setiap jantina mempunyai batasan *'awrah* menurut fiqh Islam iaitu antara pusat dan lutut bagi lelaki dan keseluruhan badan kecuali muka dan tapak tangan bagi perempuan (Mustafa *et al.* 1991).

Limitasi tubuh badan ini menggambarkan status privasi fizikal individu muslim dalam kehidupan seharian. Konsep ini juga melibatkan rumah kediaman kerana kawasan tersebut bukan sahaja menjadi tempat perlindungan semata-mata, bahkan ia menjaga hak eksklusif privasi penghuninya. Oleh yang demikian, rumah kediaman menjadi zon privasi yang melibatkan limitasi antara pihak luar dan penghuni atau antara sesama penghuni di dalam sesuatu rumah kediaman itu sendiri. Setiap individu berhak memilih situasi tersebut bagi mengurus hal ehwal peribadi yang bersifat rahsia atau sulit tanpa gangguan daripada pihak yang tidak diingini.

Keistimewaan hak kebersendirian atau privasi yang diberikan dalam Islam adalah jelas iaitu bagi menjamin menjaga dan perlindungan ke atas lima tujuan syariah (*maqasid syariah*); agama, nyawa, akal, harta dan maruah (Muhammad, 1985). Dalam menjaga agama, seseorang boleh melakukan ibadah peribadi seperti solat sunat maupun solat jemaah sesama ahli keluarga di rumah kediaman masing-masing. Manakala bagi tujuan menjaga nyawa, sudah tidak dapat dinafikan lagi bahawa rumah merupakan perlindungan peribadi daripada sebarang bentuk perubahan cuaca dan kepelbagaiannya interaksi sosial yang mencabar dalam masyarakat. Setiap manusia berhak menjalankan aktiviti peribadi bersifat santai untuk merehatkan fikiran selepas penat bekerja. Perlindungan ke atas harta dapat dilihat dari sudut penyimpanan barang dan keperluan peribadi di samping rumah itu sendiri merupakan harta yang menjadi amanah untuk dihargai. Rumah kediaman juga adalah ruang terbaik menjaga maruah peribadi seseorang melalui penjagaan *'awrah* daripada terdedah kepada pandangan pihak luar.

### **Aspek-aspek Pencegahan Keganasan Domestik berkaitan Privasi Rumah Kediaman**

Sesebuah rumah kediaman yang diberkati dan sejahtera adalah mengikut panduan wahyu yang memberi hukum atau peraturan daripada pelbagai aspek. Menyedari kepentingan rumah kediaman kepada kehidupan manusia, Rasulullah s.a.w menyifatkan rumah kediaman adalah sebahagian tanda aras kebahagiaan hidup di dunia. Rasulullah s.a.w bersabda,

مِنْ سَعَادَةِ الْمُرْءِ الْجَارُ الصَّالِحُ وَالْمَرْكُبُ الْهَنِيءُ وَالْمَسْكُنُ الْوَاسِعُ

Maksudnya: Dan antara kebahagian individu ialah jiran yang baik, kenderaan yang selesa dan kediaman yang luas

(Ahmad, 1998)

Keseimbangan rumah kediaman antara keperluan fizikal, fungsi dan pengisian adalah sangat penting bagi mencapai tujuan kebahagiaan tersebut. Islam menetapkan beberapa hukum berkaitan rumah kediaman yang menjadi peraturan privasi kepada setiap penghuni. Setiap peraturan yang digariskan memberi panduan kehidupan agar manusia tidak melakukan sesuka hati mengikut nafsu tanpa kawalan atau bimbingan. Secara tidak langsung, peraturan-peraturan berkaitan privasi rumah kediaman ini adalah sebahagian bentuk pencegahan kepada tindakan kekerasan yang termasuk dalam semua keganasan domestik.

### **TUNTUTAN MEMINTA KEBENARAN**

Rumah kediaman merupakan ruang peribadi individu dan keluarga. Pihak luar tidak dibenarkan masuk dan menjangkaui kawasan peribadi sesebuah kediaman melainkan dengan kebenaran untuk berbuat demikian. Sandaran hukum bagi kebenaran masuk sesebuah rumah kediaman adalah berdasarkan firman Allah s.w.t:

“Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu masuk ke dalam mana-mana rumah yang bukan rumah kamu, sehingga kamu lebih dahulu meminta izin serta memberi salam kepada penduduknya; yang demikian adalah lebih baik bagi kamu, supaya kamu beringat (mematuhi cara dan peraturan yang sopan itu). Maka sekiranya kamu tidak mendapatkan sesiapa (yang berhak memberi izin) maka janganlah masuk ke dalam rumah itu sehingga kamu diberi izin; dan jika dikatakan kepada kamu «baliklah», maka hendaklah kamu berundur balik; cara yang demikian adalah lebih suci bagi kamu; dan (ingatlah) Allah Maha mengetahui akan apa yang kamu lakukan.”

(Surah an-Nur: 27-28)

Hikmah pensyariatan hukum ini ialah bagi mengelakkan sebarang perkara yang tidak diingini seperti melihat keburukan atau kecacatan penghuni kediaman. Di samping itu, memohon kebenaran dapat memberi ruang masa kepada tuan rumah dan peluang untuk mereka bersedia menerima kedatangan pihak luar. Menghormati hak orang lain juga diperakui kerana rumah adalah milik yang hanya boleh dimasuki melalui laluan yang dibenarkan sahaja.

Memohon kebenaran digandingkan dengan ucapan salam sesuai dengan ajaran Islam itu sendiri kerana memberi doa kesejahteraan kepada penghuninya. Bilangan sebanyak tiga kali bagi sesuatu permohonan adalah sunah. Selain itu, orang yang datang hendaklah tidak berada terus di hadapan pintu, bahkan mengereng ke kiri atau kanan bagi menjaga pandangan dan mengelakkan keburukan yang tidak diingini. Sekiranya tuan rumah tidak memberi kebenaran, pihak yang datang wajib menghormati arahan tersebut bagi menjaga hak privasi tuan rumah (Muhammad, 1985).

Islam memberi kebenaran untuk memasuki rumah kediaman tanpa sebarang permohonan keizinan sekiranya tidak berpenghuni iaitu bukan dikhurasukan pemiliknya seperti bangunan dan premis umum. Hal ini berdasarkan firman Allah s.w.t:

“Maksudnya: Tidaklah menjadi salah kamu memasuki (dengan tidak meminta izin) mana-mana rumah yang tidak didiami orang, yang ada keperluan kamu padanya; dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu zahirkan dan apa yang kamu sembunyikan.”

(Surah an-Nur: 29)

## KETERIKATAN MASA PERIBADI

Faktor masa menjadi salah satu elemen privasi bagi sesebuah rumah kediaman. Keterikatan kepada masa ini menjadikan kebenaran khusus antara penghuni sesebuah rumah kediaman. Al-Qur'an menegaskan situasi ini dengan melibatkan tiga waktu utama yang memerlukan perhatian khusus untuk memohon kebenaran berinteraksi antara sesama penghuni kediaman walaupun daripada ahli keluarga terdekat. Firman Allah s.w.t:

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah hamba-hamba kamu dan orang-orang yang belum baligh daripada kalangan kamu, meminta izin kepada kamu (sebelum masuk ke tempat kamu), dalam tiga masa; (iaitu) sebelum sembahyang subuh, dan ketika kamu membuka pakaian kerana kepanasan tengah hari, dan

sesudah sembahyang Isyak; itulah tiga masa bagi kamu (yang biasanya terdedah aurat kamu padanya). kamu dan mereka tidaklah bersalah kemudian daripada tiga masa yang tersebut, (kerana mereka) orang-orang yang selalu keluar masuk kepada kamu, dan kamu masing-masing sentiasa berhubung rapat antara satu dengan yang lain. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya (yang menjelaskan hukum-hukumNya); dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana. Dan apabila kanak-kanak daripada kalangan kamu telah baligh, maka hendaklah mereka meminta izin sama seperti cara orang-orang (yang telah cukup umur) yang tersebut dahulu, meminta izin. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya (yang menjelaskan hukum-hukumNya) dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

(Surah an-Nur: 58–59)

Dalam ayat ini, Allah s.w.t menjelaskan tiga masa tertentu bagi mereka yang belum baligh dan hamba untuk keluar masuk di ruang ibu bapa atau dewasa iaitu sebelum subuh (awal pagi), waktu tengahari (biasanya waktu rehat) dan selepas isyak (waktu tidur). Secara tidak langsung, tiga masa ini memberi hak privasi kepada setiap penghuni rumah kediaman daripada sebarang gangguan sesama ahli keluarga lain dalam kediaman yang sama.

Walaupun ayat ini hanya memfokuskan golongan kanak-kanak dan hamba sahaja, namun hukum tersebut terpakai juga kepada golongan dewasa berdasarkan prinsip *mafhum muwafaqah* dalam menentukan sesuatu hukum. Sasaran kepada kanak-kanak adalah sebagai salah satu bentuk latihan dan pendidikan awal sebelum mereka dewasa (Wahbah, 1991). Selain daripada itu, setiap kebenaran yang dikemukakan antara penghuni kediaman menggambarkan terdapatnya perbezaan ruang dalam sesebuah kediaman. Masing-masing mempunyai kawasan peribadi untuk melakukan aktiviti peribadi yang bersifat rahsia dan sulit.

## HAK MEMPERTAHANKAN DIRI DARIPADA SEBARANG KEGANASAN

Sebarang bentuk gangguan adalah sinonim dengan keganasan yang menggugat hak privasi individu berkaitan rumah kediamannya adalah dilarang sama ada daripada pihak luar atau dalam. Setiap tindakan yang mendatangkan manfaat adalah dibenarkan dan sekiranya sebaliknya iaitu yang membawa kemudarat adalah ditegah. Ia merupakan prinsip asas kepada setiap tindakan manusia seperti hadis Rasulullah s.a.w:

لَا ضَرَرُ وَلَا ضِرَارٌ

Maksudnya: Tidak ada mudarat dan tidak dibenarkan membala dengan kemudarat.

(al-Bayhaqiy, 1994)

Bagi tujuan menjamin kesejahteraan hidup, setiap individu dalam sesebuah rumah kediaman dibenarkan untuk mempertahankan dirinya dan diberi hak bagi memelihara lima tujuan syariah yang dibincangkan sebelum ini. Kedudukan mangsa kes keganasan berhak untuk mempertahankan diri masing-masing sebagai pencegahan awal sebelum aduan dibuat kepada pihak yang bertanggungjawab.

Firman Allah s.w.t:

“Maksudnya: Oleh itu sesiapa yang melakukan pencerobohan terhadap kamu maka balaslah pencerobohnya itu seimbang dengan pencerobohan yang dilakukannya kepada kamu; dan bertaqwalah kamu kepada Allah serta ketahuilah: sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang bertaqwa.”

(Surah al-Baqarah:194)

Penghuni yang cuba mempertahankan dirinya daripada sebarang bentuk pencerobohan atau keganasan akan terlepas daripada hukuman walaupun tindakannya menyebabkan kematian pihak pelaku keganasan. Tindakan pencegahan yang lebih ringan boleh dimulakan terlebih dahulu sebagai pertahanan diri sebelum menggunakan kekerasan atau yang seumpama dengannya. Menurut jumhur ulama, setiap tindakan mempertahankan diri tidak akan dikenakan hukuman walaupun pertahanan yang digunakan menyebabkan kematian. Namun menurut ulama Hanafi dan kebanyakan ulama Maliki, tindakan pertahanan boleh dikenakan ganti rugi atas mudarat yang berlaku ke atas pihak pelaku (Al-Siddiq, 1992). Dalam hal ini, Rasulullah s.a.w bersabda,

مَنْ اطْلَعَ فِي بَيْتِ قَوْمٍ بِغَيْرِ إِذْنِهِمْ فَقَدْ حَلَّ لَهُمْ أَنْ يَفْقَئُوا عَيْنَهُ

Maksudnya: Sesiapa yang mengintai kediaman orang lain tanpa keizinan mereka, maka dibenarkan bagi mereka (tuan rumah) untuk menjolok matanya.

(Muslim, 1998)

Dalam hadis yang lain, Rasulullah s.a.w bersabda,

مَنْ اطْلَعَ فِي بَيْتِ قَوْمٍ بِغَيْرِ إِذْنِهِمْ فَفَقَئُوا عَيْنَهُ فَلَا دِيَةَ لَهُ وَلَا قِصَاصَ

Maksudnya: Sesiapa yang mengintai rumah orang tanpa keizinannya, lalu mereka menjolok matanya, maka dia (mangsa) tidak berhak mendapat diyat (ganti rugi) dan qisas.

(Al-Nasa'iyy, 1986)

## ETIKA BERPAKAIAN HAL BERSENDIRIAN

Rumah kediaman adalah kawasan peribadi yang menjaga rahsia diri dan hal sulit seseorang. Hal ini turut berlaku kepada pakaian yang menjaga dan melindungi rahsia fizikal dan tubuh badan seseorang. Tuntutan menjaga ‘awrah sangat dititikberatkan dalam Islam sama ada ketika berada di khalayak ramai maupun berseorangan di kediaman masing-masing.

Saranan Rasulullah s.a.w supaya sentiasa berpakaian walaupun ketika berseorangan di rumah perlu dijadikan amalan pencegahan daripada sebarang bentuk gangguan atau keganasan domestik. Rasulullah s.a.w bersabda,

حَدَّثَنَا بَهْرُ بْنُ حَكِيمٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ قَالَ قُلْتُ يَا نَبِيَّ اللَّهِ عَوْرَاتُنَا مَا تَأْتِي مِنْهَا وَمَا نَدْرُ قَالَ اخْفِظْ  
عَوْرَاتَكَ إِلَّا مِنْ رَوْجَنَكَ أَوْ مَا مَلَكْتُ يَمِينُكَ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِذَا كَانَ الْقَوْمُ بَعْضُهُمْ فِي بَعْضٍ قَالَ إِنْ  
اسْتَطَعْتَ أَنْ لَا يَرَاهَا أَحَدٌ فَلَا يَرَاهَا قَالَ قُلْتُ يَا نَبِيَّ اللَّهِ إِذَا كَانَ أَحَدُنَا خَالِيَا قَالَ فَاللَّهُ أَحَقُّ أَنْ يُسْتَحْيِ  
مِنْهُ مِنَ النَّاسِ

Maksudnya: Dari pada Bahz ibn Hakim menceritakan daripada bapanya daripada datuknya: Aku bertanya kepada Rasulullah: Wahai Nabi Allah berkaitan *awrah* kami, apakah yang boleh kami lakukan dan yang sepatutnya ditinggalkan? Rasulullah menjawab: Peliharalah *awrah* kamu kecuali kepada isteri dan hamba yang kamu miliki. Aku bertanya lagi: Wahai Rasulullah sekiranya sesuatu kaum (sama jantina) berada antara satu dengan yang lain. Rasulullah menjawab: sekiranya kamu mampu untuk tidak diperhatikan oleh orang lain maka hendaklah berbuat demikian. Aku bertanya lagi: Wahai Nabi Allah, sekiranya salah seorang kami dalam keadaan berseorangan. Rasulullah menyatakan: Maka Allah lebih berhak untuk kamu rasa malu berbanding manusia.

(Al-Tirmidhiyy, 1975)

Hadis ini menggariskan etika berpakaian seseorang individu muslim dalam kehidupan seharian termasuk yang melibatkan situasi di rumah kediaman. *Awrah* perlu sentiasa dipelihara dalam apa jua keadaan melainkan ketika bersama pasangan yang sah melalui ikatan perkahwinan dan pemilikan hamba. Perasaan malu menjadi benteng utama walaupun seseorang itu berada berseorangan di rumah. Dalam erti kata lain, seseorang itu masih terikat dengan nilai akhlak yang didasari dengan keimanan kepada Allah s.w.t walaupun berada berseorangan di tempat tersendiri yang menjadi hak miliknya.

## PENGGUNAAN RUANG YANG TERBAIK

Struktur fizikal rumah kediaman mempunyai impak ke atas kehidupan sosial dan sebaliknya. Setiap rumah mempunyai ruang asas seperti dapur, ruang rehat, ruang makan, bilik tidur dan bilik air bagi melaksanakan aktiviti domestik dan interaksi seharian. Perkembangan saiz dan struktur rumah kediaman bergantung kepada kedudukan sosioekonomi penghuninya dan juga lokasinya (Fatimah, 2009).

Ruang rumah kediaman yang terbaik harus memberi privasi kepada penghuninya dengan memberi perlindungan kepada dua kategori utama iaitu privasi dari sudut pandangan (*visual privacy*) dan bunyi (*acoustical privacy*). Dalam hal ini, saranan kepada pemaju dalam pembinaan rumah kediaman sangatlah diperlukan terutama yang melibatkan binaan laluan masuk (pintu), tingkap dan faktor ketinggian sesuatu rumah kediaman (Asiah, 2008).

Ruang dalaman sesuatu rumah kediaman turut mempengaruhi keadaan privasi individu. Pemisahan antara kawasan keluarga dan kawasan umum untuk bertemu sangat diambil kira. Malah kawasan tempat tidur antara ahli keluarga turut diasingkan yang melibatkan faktor jantina lelaki dan perempuan. Setiap pemisahan ruang ini boleh

dilakukan melalui pembinaan struktur dinding, reka bentuk atau dekorasi dalaman yang melibatkan penggunaan perabot, langsitir, tirai dan sebagainya (Asiah Abdul Rahim. 2008: 38). Asas perbezaan ruang dalam sesebuah rumah kediaman adalah berdasarkan hadis Rasulullah s.a.w yang memberi saranan supaya dibezakan tempat tidur berdasarkan faktor gender. Rasulullah s.a.w bersabda:

**مُرُوا أَوْلَادُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ وَاضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرٍ وَفَرِّقُوا  
بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ**

Maksudnya: Suruhlah anak-anak kamu mendirikan solat ketika mereka berumur tujuh tahun, dan pukullah mereka apabila mengabaikannya ketika berumur sepuluh tahun. Bezakanlah antara mereka (mengikut jantina) di tempat tidur. (Abu Dawud, t.t.)

Hadis ini menerangkan beberapa saranan dalam pendidikan awal kanak-kanak yang antaranya ialah suruhan mengerjakan solat ketika berumur tujuh tahun, kebenaran memukul mereka untuk tujuan didikan bagi yang ingkar ketika berumur sepuluh tahun dan pengasingan tempat tidur antara anak lelaki dan perempuan. Dapatlah difahami bahawa pengasingan antara gender tidak akan berlaku melainkan wujudnya ruang yang berbeza antara mereka. Selain daripada itu, penurunan salah satu surah al-Qur'an yang dikenali dengan nama surah *al-hujurat* sangat berkait rapat dengan ruang yang berbeza dalam sesebuah rumah kediaman bagi menjamin privasi individu.

Frasa *al-hujurat* bermaksud bilik-bilik merujuk kepada rumah kediaman Rasulullah s.a.w ketika itu yang terdiri daripada beberapa ruang yang ringkas. Antara etika yang digariskan dalam surah tersebut ialah menjaga privasi penghuni sesebuah rumah kediaman daripada sebarang gangguan pihak luar terutama berkaitan dengan gangguan bunyi. Firman Allah s.w.t dalam menerangkan golongan yang mengganggu Rasulullah s.a.w dengan mengangkat suara di luar kediaman baginda adalah sebagai mereka yang tidak berakal,

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang memanggilmu dari luar bilik-bilik (tempat ahlimu, Wahai Muhammad), kebanyakan mereka tidak mengerti (adab dan tata tertib).

(Al-Qur'an, al-Hujurat:4)

## Kesimpulan

Setiap individu berhak memilih situasi bersendiri atau privasi bagi mengurus hal ehwal peribadi yang bersifat rahsia atau sulit tanpa gangguan. Situasi privasi ini merupakan suatu syarat penting rumah kediaman berkualiti dalam Islam. Dalam hal ini, panduan wahyu tentang hukum privasi berkaitan kediaman tidak boleh dikesampingkan sebagai jaminan dan perlindungan kehidupan manusia. Ia juga dilihat sebagai sebahagian penyelesaian kepada kemelut yang melibatkan keluarga dan persekitaran rumah kediaman. Kefahaman yang jitu tentang privasi rumah kediaman adalah sangat penting terutama dalam menangani pelbagai isu jenayah dalam keluarga seperti keganasan domestik.

Hukum-hakam berkaitan privasi adalah hak yang diberikan secara eksklusif kepada setiap penghuninya. Aspek dalam privasi ini terikat dengan dua jenis hak sekali gus iaitu hak Allah S.W.T dan hak hamba secara serentak. Hak Allah s.w.t merujuk kepada peraturan yang telah ditetapkan berdasarkan nas dan sumber wahyu yang jelas serta perlu dipenuhi sebagai satu tuntutan dan kewajipan agama. Manakala hak hamba atau manusia tertumpu kepada peraturan yang ditetapkan sesama manusia dan biasanya berasaskan kepada maslahah dan budi bicara bersama. Keseimbangan antara dua jenis hak ini adalah penting dalam membina rumah kediaman berkualiti yang seimbang dari sudut fizikal dan kerohanian.

Islam menggariskan beberapa hukum berkaitan privasi rumah kediaman sebagai peraturan yang dapat mencegah daripada sebarang bentuk keganasan domestik. Antara garis panduan peraturan yang ditetapkan:

1. Setiap individu yang ingin memasuki rumah kediaman harus meminta keizinan terlebih dahulu kerana rumah kediaman merupakan hak milik eksklusif kepada penghuninya.
2. Setiap penghuni yang berada dalam rumah kediaman yang sama perlu menghormati masa peribadi yang telah ditetapkan.
3. Sebarang keganasan adalah ditegah. Setiap mangsa keganasan dalam rumah kediaman berhak mempertahankan diri mengikut kemampuan masing-masing.
4. Batasan kehidupan peribadi di rumah kediaman masing-masing harus diiringi dengan elemen akhlak dalam etika berpakaian ketika bersendirian bagi mengelakkan daripada sebarang kejadian yang tidak diingini.
5. Rumah kediaman yang mementingkan aspek privasi dari sudut penggunaan ruang berdasarkan pembinaan rekabentuk dan dekorasi dalaman adalah sangat penting dalam pencegahan awal keganasan.

## Rujukan

- Abu Dawud, Sulayman ibn al-Ash'ath. (t.th). *Al-Sunan*. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah. jil 1.
- Ahmad al-Sa'ad. (2004). *Dawabit bina' al-masakin fi al-fiqh al-Islamiyy*. 6-9. Diakses daripada [www.arablaw.info.com](http://www.arablaw.info.com). 20 Julai 2010.
- Ahmad ibn Hanbal, (1998). *al-Musnad*. Beirut: 'Alam al-Kutub. jil 5. Kitab Musnad al-Makkiyyin, Bab: musnad Nafi' ibn 'Abd al-Harith, no: 15446.
- Al-Bayhaqiy, Ahmad Husin 'Aliyy. (1994). *Sunan al-Bayhaqiy*. Mekah: Maktabah Dar al-Baz. Jilid 6.
- Al-Nasa'iyy, Ahmad ibn Shu'ayb. (1986) *Al-Sunan*. Halab: Maktabah al-Matbu'at al-Islamiyyah, Jilid 8.
- Al-Quran (1980). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*, Kuala Lumpur: Darulfikir.
- Al-Siddiq Abu al-Hasan Muhammad. (1992). *Haqq al-difa' al-shari'iy al-khass*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Tirmidhiyy, Muhammad ibn 'Isa ibn Surrah. (1975). *Al-Sunan (al-Jāmi' al-Sahīh)*. Mesir: Maktabah Mustafa al-Halabiyy, Jilid 5.
- Anas Mustafa Abu 'Ata. (1994). *Fiqh al-Bi'ah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Disertasi Doktor Falsafah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi (Tidak diterbitkan).

- Asiah Abdul Rahim. (2008). *Housing from the Islamic Perspective*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2002). *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fatimah Abdullah. (2009). Evolusi rumah dan kehidupan keluarga. *SARI: International Journal of the Malay World and Civilization*. 27 (2). 247-263. Diakses daripada from <http://journalarticle.ukm.my/1194/> pada 20 Ogos 2010.
- Husni al-Jundiyy. (1993). *Damanat hurmat al-hayat al-khassah fi al-Islam*. Kaherah: Dar al-Nahdah al-‘Arabiyyah.
- Ibrahim ibn Salih. (2007). *Wilayah al-ta’dib al-khassah fi al-fiqh al-Islamiyy*. Arab Saudi: Dar Ibn al-Jawziyy.
- Jal Zabdi Mohd Yusoff. (2010). *Jenayah Keganasan Rumah Tangga*. Edisi 2. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi. (2007). *Housing Crisis: Back to A Humanistic Agenda*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad Rakan al-Dughmiyy. (1985). *Himayat al-hayat al-khassah fi al-shari‘ah al-Islamiyyah*. Cetakan 3. Kaherah: Dar al-Salam.
- Muslim ibn Al-Hajjāj. (1994). *Al-Musnad al-Sahih*. Beirut: Dār al-Khayr, Jilid 3.
- Mustafa Ahmad al-Zarqa’. (1983). *Siyaghah qanuniyyah li nazariyyah al-ta‘assuf bi isti‘mal al-haqq fi qanun Islamiyy*. Amman: Dar al-Bashir.
- Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha dan ‘Aliyy al-Sharbajiyy. (1991). *Al-Fiqh al-manhajiy ‘ala madhhab al-Imam al-Shafī‘iyy*. Damshiq: Dar al-Qalam.
- Nurizan Yahya. (1998). Kualiti Perumahan dan Kualiti Hidup. *ANALISIS: Jurnal Universiti Utara Malaysia*, Isu 5(1&2). Sintok: UUM.
- Rukiah Bahari, Najmi Hayati Usman dan Mohd Tajuddin Ninggal. (2008). Rumahku syurgaku: Bagaimana menyelesaikan masalah keganasan rumah tangga?. *Seminar Kaunseling Keluarga 2008*. Diakses daripada <http://eprints.utm.my/5999/> pada 20 Ogos 2010.
- Spahic Omer. (2010). *Islam and housing*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.
- Wahbah al-Zuhayliyy. (1991). *Al-Tafsir al-munir*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu‘asir, Jilid 18.